

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [ SRI AMAN ]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DATO' MASIR KUJAT** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Sri Aman yang baru dijangka siap dibina. Apakah sebab projek ini dikategorikan sebagai projek sakit atau terlewat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Hospital Sri Aman telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2012. Projek ini dilaksanakan di dalam dua (2) fasa.
2. Fasa pertama yang melibatkan kerja-kerja tanah dan rawatan tanah telah memulakan kerja pada 30 Julai 2012 dan siap sepenuhnya pada 29 Ogos 2013. Fasa kedua yang melibatkan kerja bangunan telah dimulakan pada 26 Oktober 2015 dan dijangka siap pada Disember 2021.
3. Status kemajuan projek ini pernah lewat daripada jadual disebabkan kelemahan pihak kontraktor dalam isu-isu berkaitan pengurusan di tapak projek, kekurangan pekerja dan prestasi pasukan perunding yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, pada November 2020, projek ini telah keluar daripada status projek sakit (lewat jadual lebih 60 hari) dan kini mencapai kemajuan pelaksanaan 93.55% berbanding jadual 94%. Sekian, terima kasih.